

Headline **IPT perlu semai budaya debat**
Date **26. Sep 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **39**
Section **Nasional** Article Size **68** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**
AdValue



IPT perlu semai budaya debat

SAYA berminat mengulas pandangan kritis Datuk Saifuddin Abdullah menerusi artikelya 'Seni perdebatan wajar dibudayakan bagi memamatkan demokrasi negara' dalam ruangan ini, semalam.

Mesej yang disampaikan Saifuddin amat bernas dan perlu diberikan perhatian oleh semua lapisan masyarakat, terutama ahli politik di negara ini dalam usaha menyahut cabaran untuk memamatkan serta memperkasa demokrasi berparlimen.

Ternyata keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12, 8 Mac lalu meninggalkan banyak pengajaran kepada semua pihak terutama ahli politik.

Saban hari kita membaca hal ehwal politik sehingga hampir semua ahli masyarakat sudah menjadi 'penganalisis' atau 'pemerhati' politik, sama ada secara tetap atau sambilan.

Bagi saya ini satu semangat yang sihat kerana masyarakat mulai mempunyai minat dan memberi perha-

tian terhadap sistem pemerintahan negara, iaitu demokrasi berparlimen.

Berbalik kepada mesej Saifuddin yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang menekankan 'seni perdebatan' berkualiti amat penting dibudayakan sejak pada peringkat sekolah lagi.

Saya melihat pelajar universiti zaman pasca moden kini semakin lesu dalam penajanaan idea baru malah jauh dari bersifat kritikal.

Pelajar universiti lebih selesa dengan sikap lulus peperiksaan dan mereka jarang bertanyakan soalan ketika sesi kuliah.

Apabila diberikan peluang untuk berbahas mengenai isu sosial, hanya seorang dua berminat memberikan pandangan.

Saya bimbang senario ini kerana pelajar universiti sering dicanang sebagai pemimpin masa depan. Namun, di satu pihak saya tidak seratus peratus menyalahkan pelajar universiti.

Mereka 'dilahirkan' dalam sistem pendidikan negara

yang lebih mementingkan gred berbanding kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, ketrampilan diri dan motivasi sendiri.

Kalau ditinjau pula mengenai debat dalam kalangan ahli politik kita di Parlimen juga masih pada takuk lama.

Ada beberapa aspek yang perlu dimantapkan khususnya dari segi kematangan berhujah, profesional dan karismatik.

Budaya membaca amat perlu disuburkan untuk memperkasa kualiti debat. Saya berpendapat, ahli politik perlu memberikan teladan yang baik kerana mereka bergelar 'wakil rakyat'.

Mereka perlu memperjuangkan pelbagai isu sosial dan ekonomi yang berkaitan kehidupan seharian masyarakat, iaitu bangsa Malaysia berbanding perjuangan peribadi.

Saya juga bersetuju dengan pandangan Saifuddin bahawa 'universiti perlu membuka lebih ruang kepada tokoh politik dari pelbagai parti berdebat di kampus dan tidak lagi mengongkong pen-

syarah dan mahasiswa daripada berdebat mengenai pelbagai topik termasuk politik'.

Perkara ini penting untuk 'mendewasakan' pemikiran pelajar universiti agar lebih peka dengan isu kemasyarakatan dan bukan mementingkan peperiksaan semata-mata.

Perlu ditegaskan bahawa universiti adalah pusat ilmu dan bukannya 'kilang' untuk melahirkan graduan saja.

Pembudayaan debat yang sihat, berkualiti dan berintegriti perlu disuburkan dalam kalangan pemikiran masyarakat kerana dewasa kini masyarakat semakin bijak mendapatkan maklumat. Justeru, belia perlu diberikan peluang dan ruang untuk berdebat secara ilmiah kerana mereka mempunyai peranan utama dalam merencana tema pembangunan negara.

DR SARJIT SINGH GILL,
Pensyarah kanan Fakulti Ekologi Manusia, UPM.